

Bateri untuk Sistem Hibrid

Jika anda terbau sesuatu yang pelik datang daripada bateri untuk sistem hibrid, letakkan skuter anda di kawasan luar yang selamat dan jauhkannya daripada objek mudah terbakar, kemudian putarkan suis penghidup ke posisi **O** (Off). Hantarkan skuter anda untuk diperiksa oleh wakil pengedar yang sah dengan segera.

Bahaya Karbon Monoksida

Ekzos mengeluarkan gas karbon monoksida tanpa bau dan warna, ia sejenis gas beracun. Jika anda menyedut gas karbon monoksida ia boleh menyebabkan pengsan dan kematian.

Jikalau anda menghidupkan enjin di tempat yang tertutup ataupun separuh tertutup, udara yang anda sedut mempunyai kandungan karbon monoksida yang tinggi. Jangan menghidupkan enjin skuter dalam garaj ataupun mana-mana tempat yang tertutup.

AMARAN

Menghidupkan enjin skuter anda dalam tempat tertutup atau separuh tertutup boleh menyebabkan pengumpulan toksik gas karbon monoksida dengan cepat.

Menghidu gas tanpa bau dan warna boleh menyebabkan anda tidak sedar diri dan membunuh anda.

Hidupkan enjin skuter anda hanya apabila ia berada di tempat yang mempunyai pengudaraan yang baik.